

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	3 NOVEMBER 2016

PM lawat bandar pintar Gu'an

BH - 3/11/2016

→ Konsep pembangunan bersepadu contoh kawasan industri masa depan



Bandar Industri Baharu Gu'an, sebuah bandar pintar dan inovasi, mesra perniagaan dan contoh bandar industri pada masa depan menerima kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, semalam, pemimpin pertama dunia melawat bandar yang cantik itu. Terletak kira-kira 50 kilometer ke selatan Beijing, Gu'an dalam wilayah Hebei mengandungi pelba-

gai industri, terutama dalam lima bidang difokuskan Kerajaan China iaitu aeroangkasa, perubatan bio, pembuatan peralatan bermutu tinggi, e-dagang dan industri perkhidmatan moden. Bandar itu dimajukan CFLD International sejak 2002 berkonsepkan pembangunan bersepadu merangkumi perumahan mewah, kelab golf, sekolah, hospital, pusat penyelidikan dan pembangunan, industri berteknologi tinggi dan gudang e-dagang canggih. Sebaik tiba di dewan pameran CFLD, Najib diberi taklimat mengenai pelan perancangan bandar Gu'an oleh Presiden CFLD International, Jerry Zhao. Perdana Menteri turut diberi taklimat mengenai perkembangan

teknologi paparan AMOLED yang digunakan sebagai paparan produk seperti telefon bimbit. CFLD kini membangunkan generasi ke-6 teknologi AMOLED dengan kerjasama Tsinghua Visionox dan Govisionox Optoelectronics Co Ltd. **Pemandangan indah** Najib kemudian melawat Pusat Penedaran JD E-Commerce, satu daripada syarikat terbesar e-dagang di China sebelum menikmati pemandangan indah dan menyiram pokok di Taman Tasik Peacock sebagai tanda lawatannya ke Gu'an. Menurut kenyataan yang dibekirkan kepada media, Gu'an mengalami transformasi menjadi bandar industri bertaraf antarabangsa hingga mampu menjana

pendapatan fiskal AS\$830 juta (RM3.48 bilion) tahun lalu. Selain menyediakan pekerjaan kepada warga tempatan, Gu'an dalam tempoh singkat menjadi bandar pintar dan inovasi dan mesra perniagaan. Setakat ini, bandar itu yang ditanam pelbagai pokok didiami kira-kira 490,000 penduduk dengan sasarannya sejuta orang. CFLD melabur AS\$4.8 bilion (RM20 bilion) untuk membangunkan Gu'an. Ketika menyambut tahun penubuhannya ke-14 tahun ini, CFLD bekerjasama dengan Universiti Tsinghua, Universiti Peking dan Taman Sains dan Teknologi Zhongguancun dalam usaha ke arah menjadikan bandar itu sebagai Pusat Teknologi Global.

Waktu Solat
Keberanian Takaful IKHLAS untuk Generasi Baharu
Takaful Ikhlas Berhad (993075-U) adalah anak syarikat milik penuh MNRB Holdings Berhad.
Nikmati insurans dengan 25% untuk produk terjamin melalui pengagutan insurans. Call us: www.takafulikhl.com.my | www.ikhlas.com.my | 03-2713-9096

IBADAT & FADILAT
Dari pada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Sekalian umatku akan masuk syurga kecuali orang yang enggan." Sahabat bertanya: "Ya Rasulullah, siapakah orang yang enggan itu?" Baginda menjawab: "Sesiapa yang taat kepada ku akan masuk syurga dan sesiapa yang derhaka kepada ku maka sesungguhnya ia telah enggan." (Riwayat Riwayat Bukhari).

Kawasan	Subuh	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
Kangar	5:47	1:04	4:25	7:00	8:11
Alor Setar	5:47	1:04	4:25	7:00	8:11
P. Pinang	5:46	1:04	4:25	7:01	8:12
Ipoh	5:43	1:02	4:22	7:00	8:11
Kuala Lumpur	5:40	1:00	4:20	6:58	8:09
Shah Alam	5:40	1:00	4:20	6:58	8:09
Johor Bahru	5:29	12:51	4:11	6:52	8:03
Kuantan	5:33	12:54	4:14	6:53	8:04
Seremban	5:37	12:58	4:18	6:58	8:09
Bandar Melaka	5:36	12:57	4:17	6:57	8:08
Kota Bharu	5:44	12:57	4:18	6:53	8:00
K. Terengganu	5:35	12:53	4:14	6:50	8:01

PILIHAN TERTINGGI
BH ONLINE

- Hajat Che Ta rai hari lahir anak di London tak kesampaian
- Suspek bunuh 4 warga Myanmar beli pisau
- Tiada niat sabotaj Zur Eda - Datuk Vida
- Empat wira Kedah diberi pelepasan khas
- Selaput mata kiri Saharul Ridzwan terkoyak